



**KENYATAAN AKHBAR  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
“ KES KEDAMPARAN MAMALIA MARIN – IKAN PAUS ”**

**KRONOLOGI KEJADIAN**

**8 Februari 2016 (Isnin)**

Paus terdampar jam 1.00 tengahari di Pantai Rekreasi Kampong Rambah Pontian Johor. Paus Berjaya di selamatkan mengikut SOP oleh beberapa orang nelayan yang diketuai Encik Ismail bin Sirat dengan sampan 30 kaki nombor plat JHS8423B. Paus berjaya berenang ke laut lepas pada jam 7.00 petang. Dibantu oleh Polis Marin, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM)

**9 Februari 2016 (Selasa)**

Team Forensik Pusat Penyelidikan Perikanan Rantau Abang (TUMEC) ke tempat kejadian dan buat pengesahan ke atas paus terdampar di Pantai Rekreasi Kampong Rambah Pontian dan dikenalpasti dari spesis Paus dari keluarga *Balaenoptera*. Iaitu spesies *Balaenoptera borealis*. Anggaran Panjang adalah 13 meter. Anggaran Berat 5000 kilogram. Tapi jika dikira mengikut formula berat sebenarnya mencecah 12000 kg. Ikan Paus ini telah disahkan oleh Status IUCN sebagai spesies terancam **VULNERABLE**.

9 Februari 2016 lebih kurang jam 4.00 petang paus telah dijumpai terdampar sekali lagi di dalam Muara Sungai Sarang Buaya Semerah Muar bersempadan dengan Daerah Batu Pahat Johor. Kerana terdapat tali yang diikat ketika operasi menyelamat di Pantai Rekreasi Kampong Rambah Pontian. Repot Polis dan Kertas Siasatan telah dibuka oleh pihak Pejabat Perikanan Johor. Karkas paus telah di kawal selia oleh Bahagian Perlindungan Sumber. Team Forensik TUMEC telah bergegas ke tempat kejadian.

**10 Febuari 2016 (Rabu)**

9.00 pagi ikan paus akan ditunda ke jeti Pejabat Perikanan Daerah Batu Pahat untuk kerja-kerja bedah siasat dan kajian lanjut

**++ Tamat ++**

**HAJI MUNIR BIN MOHD NAWI**  
Pengarah Perikanan Negeri Johor  
**JOHOR BAHRU**

10 Febuari 2016